

**GARIS PANDUAN
DANA ANTARABANGSA BELIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	LATAR BELAKANG	3
2.	OBJEKTIF	3
3.	SASARAN	3
4.	SKOP PERMOHONAN	3
5.	SILING KELULUSAN	4
6.	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	4
7.	BIDANG KUASA AHLI JAWATANKUASA	6
8.	GARIS MASA PERMOHONAN	6
9.	PERJANJIAN BERTULIS	6
10.	TANGGUNGJAWAB PEMOHON	6
11.	KAEDAH PEMBAYARAN	8
12.	SENARAI SEMAK	9
	CARTA ALIR PERMOHONAN	10

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Dana Antarabangsa Belia KBS (*International Youth Fund, IYF@KBS*) Kementerian Belia dan Sukan bertujuan untuk menyokong penyertaan belia Malaysia dalam mesyuarat/forum/persidangan/simposium di peringkat antarabangsa.
- 1.2 IYF merupakan pemberian bantuan berbentuk dana secara *one-off* kepada belia bagi menghadiri mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang berkaitan dengan belia.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan penyertaan aktif belia Malaysia dan memanfaatkan peluang untuk perkongsian ilmu dan pengalaman antarabangsa.
- 2.2 Memberikan pendedahan antarabangsa kepada belia bagi membangunkan kemahiran kepimpinan, komunikasi dan advokasi.
- 2.3 Meningkatkan kesedaran tentang isu-isu global dan memperkukuhkan kefahaman antara budaya.
- 2.4 Membina rangkaian strategik dengan organisasi belia, institusi antarabangsa, dan pemimpin global.
- 2.5 Melahirkan duta belia yang mampu mempromosikan imej positif Malaysia di peringkat antarabangsa.

3. SASARAN

- 3.1 Terbuka kepada semua belia berumur antara 18 hingga 30 tahun.
- 3.2 Keutamaan diberikan kepada belia yang menganggotai persatuan, pertubuhan atau kelab yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) atau Pesuruhjaya Sukan (PJS).

4. SKOP PERMOHONAN

- 4.1 Skop permohonan perlu meliputi mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang berkaitan dengan belia.

- 4.2 Antara penganjur mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan penajaan ini:
- (i) **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB);**
 - (ii) **Komanwel;**
 - (iii) **Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN);**
 - (iv) **Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC); dan**
 - (v) **Pertubuhan Bukan Kerajaan.**
- 4.3 Keutamaan diberikan kepada pemohon yang hadir sebagai pembentang, panelis atau moderator dalam mesyuarat/forum/persidangan/simposium.

5. SILING KELULUSAN

- 5.1 Pemberian dana bantuan maksimum sehingga RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja).
- 5.2 Pemohon dibenarkan memohon lebih dari satu (1) penyertaan program tetapi hanya layak dipertimbang dan diluluskan satu (1) permohonan sahaja setahun.

6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

6.1 Kelayakan Pemohon

Warganegara Malaysia yang berumur antara 18 hingga 30 tahun;

- (i) Skop program seperti mana yang dinyatakan di perenggan 4.
- (ii) Hanya layak dipertimbangkan satu (1) kelulusan sahaja setahun.
- (iii) Keutamaan diberikan kepada belia yang menganggotai persatuan, pertubuhan atau kelab yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dan Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS).

6.2 Permohonan Yang Tidak Dipertimbangkan

- (i) Kakitangan KBS dan agensi dibawahnya.
- (ii) Penjawat awam.
- (iii) Pemohon yang telah diluluskan permohonan lain di bawah IYF atau/dan telah menerima tajaan daripada KBS atau jabatan/agensi di bawah KBS bagi menghadiri program di peringkat antarabangsa bagi tempoh dua (2) tahun sebelumnya.
- (iv) Permohonan daripada entiti atau organisasi politik.
- (v) Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat.
- (vi) Mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang sedang berlangsung atau telah tamat.

- (vii) Pemohon yang menjalankan perniagaan/aktiviti yang dilarang oleh Kerajaan.
- (viii) Pemohon yang telah disenarai hitam atau diisytiharkan bankrap.
- (ix) Program yang bertentangan dengan undang-undang atau dasar-dasar Kerajaan semasa, menyentuh sensitiviti atau menjejaskan keharmonian rakyat, komuniti serta menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.
- (x) Program yang berbentuk bengkel, ekspo dan seumpamanya.

6.3 Tatabara Permohonan

6.3.1 Permohonan boleh diisi melalui *Google Form* yang diakses daripada portal KBS (www.kbs.gov.my/iyf). Dokumen yang perlu dimuat naik bersama permohonan adalah seperti berikut:

- (a) *curriculum vitae* (merangkumi maklumat pemohon, akademik, kerjaya dan yang berkaitan);
- (b) kertas kerja lengkap mesyuarat/forum/persidangan/ simposium;
- (c) nama persatuan/NGO;
- (d) nombor telefon bimbit;
- (e) alamat e-mel;
- (f) alamat surat menyurat;
- (g) salinan penyata akaun bank terkini; dan
- (h) perincian anggaran perbelanjaan.

6.3.2 Kertas kerja perlu dikemukakan dalam Bahasa Inggeris sahaja.

6.3.3 Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan tidak lewat daripada 30 hari sebelum tarikh mesyuarat/forum/persidangan/ simposium berlangsung.

6.3.4 Pemohon yang disenarai pendek akan diangkat kepada Jawatankuasa IYF untuk pertimbangan dan kelulusan. Keputusan Jawatankuasa IYF adalah **MUKTAMAD** dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

7. BIDANG KUASA AHLI JAWATANKUASA

7.1 Jawatankuasa IYF berhak mempertimbangkan permohonan daripada mana-mana pihak atau apa-apa syarat lain yang tidak dinyatakan di dalam garis panduan ini untuk kelulusan jika permohonan tersebut berkaitan.

7.2 Jawatankuasa IYF berhak membuat semakan semula dan pindaan kepada garis panduan ini dari semasa ke semasa tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa.

8. GARIS MASA PERMOHONAN

8.1 Permohonan akan dibuka sebanyak empat (4) siri bermula pada 16 Januari 2026. Butiran tempoh siri adalah seperti berikut:

Tarikh Program	Tarikh Permohonan Dibuka	Tarikh Tutup Permohonan	Tarikh Keputusan
1 Mac – 15 November 2026	16 Januari 2026	6 Februari 2026	20 Februari 2026
		15 Mac 2026	1 April 2026
		15 Mei 2026	1 Jun 2026
		15 Julai 2026	1 Ogos 2026

9. PERJANJIAN BERTULIS

- 9.1 Notifikasi akan dihantar kepada emel pemohon berkenaan status permohonan yang “Berjaya/Ditolak”.
- 9.2 Surat Kelulusan/Akuan Terimaan akan diberikan melalui emel kepada pemohon yang berjaya beserta syarat dan terma yang dipersetujui.
- 9.3 Pemohon yang berjaya perlu memuat turun Surat Kelulusan/Akuan Terimaan dan menyatakan persetujuan serta mengembalikan semula Akuan Terimaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
- 9.4 Surat Kelulusan/Akuan Terimaan yang ditandatangani adalah **MUKTAMAD** dan sebarang perubahan pada terma dan syarat termasuk nama dan konsep program tanpa alasan yang munasabah adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 9.5 Surat Kelulusan/Akuan Terimaan akan terbatal jika tidak dikembalikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan namun jawatankuasa berhak mempertimbangkan semula.
- 9.6 Sebarang perubahan lokasi dan tarikh program/mesyuarat/forum/persidangan/simposium hendaklah dimaklumkan kepada pihak Sekretariat IYF untuk tujuan rekod.
- 9.7 Sekretariat IYF berhak **MENOLAK** permohonan pada bila-bila masa, sekiranya maklumat yang dikemukakan didapati palsu, tidak benar atau mengelirukan dan tidak mematuhi syarat permohonan.
- 9.8 Permohonan yang diluluskan perlu menandatangani Surat Setuju Terima (SST).

10. TANGGUNGJAWAB PEMOHON

10.1 Semasa Program Berlangsung

- (i) Pemohon hendaklah memastikan mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang dihadiri mengikut syarat-syarat dan terma yang telah dipersetujui.
- (ii) Pemohon hendaklah meletakkan logo KBS dan logo Rakan Muda di dalam slaid pembentangan untuk kegunaan dalam mesyuarat/forum/persidangan/simposium tersebut. Pemohon boleh merujuk Garis Panduan Penggunaan Logo KBS dan Logo Rakan Muda yang boleh diakses di laman sesawang KBS.
- (iii) Pemohon hendaklah memuat naik gambar atau video mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang dihadiri dalam media sosial dan meletakkan tanda pagar **#iyfkbs2026 #kbsmalaysia #rakanmuda**.
- (iv) Pemohon tidak dibenarkan menggunakan atau memaparkan logo parti politik dalam apa jua medium bagi tujuan hebahan program.

10.2 Selepas Program Berlangsung

- (i) Pemohon hendaklah mengemukakan laporan komprehensif bergambar mengikut format yang disediakan dalam tempoh 14 hari selepas mesyuarat/forum/persidangan/simposium yang dihadiri selesai sebagai bukti penglibatan.
- (ii) Pemohon juga perlu mengemukakan perincian perbelanjaan sebenar berserta dokumen sokongan (resit/baucar) bagi memastikan dana dibelanjakan seperti mana yang diluluskan.
- (iii) Sebarang lebihan baki peruntukan yang tidak digunakan hendaklah dipulangkan semula kepada KBS dan kaedah pemulangan akan ditentukan oleh pihak KBS kepada peserta selepas mengemukakan perkara 10.2 (i) dan (ii).

11. KAEDAH PEMBAYARAN

- 11.1 Pemberian bantuan IYF KBS adalah secara *one-off* berdasarkan **anggaran perincian perbelanjaan** yang dikemukakan terhad kepada yuran penyertaan bagi mesyuarat/forum/persidangan/simposium, tiket penerbangan pergi dan balik (kelas ekonomi), elaun makan, insurans, visa dan penginapan sahaja tertakluk kepada kadar yang diluluskan di peringkat KBS seperti di **Lampiran A**.
- 11.2 Sebanyak 50% daripada jumlah kelulusan dana akan disalurkan sebagai bayaran pendahuluan kepada pemohon selepas menandatangani Surat Setuju Terima (SST) dan baki 50% hanya akan disalurkan setelah pemohon mengemukakan Laporan Lengkap Penyertaan Program dalam tempoh 14 hari selepas tarikh tamat program.
- 11.3 Bagi tujuan penyaluran dana, pemohon perlu mengembalikan Akuan Terimaan yang telah ditandatangani.

**SENARAI SEMAK
DANA ANTARABANGSA BELIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**


PERMOHONAN

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Pautan <i>Google Form</i> yang diakses secara atas talian dari portal Kementerian Belia dan Sukan (www.kbs.gov.my/iyf)		
2.	Dilengkapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan (30 hari sebelum tarikh mesyuarat/forum/persidangan/ simposium)		

DOKUMEN-DOKUMEN

BIL	DOKUMEN DIPERLUKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	<i>Curriculum vitae</i> (maklumat akademik, kerjaya, pengalaman)		
2.	Kertas kerja berkenaan mesyuarat/forum/persidangan/simposium (maklumat penganjur, kertas konsep, program agenda, perincian anggaran perbelanjaan)		
3.	Kenyataan peribadi (merangkumi komitmen pemohon terhadap matlamat mesyuarat/forum/persidangan/simposium)		
4.	Surat sokongan daripada organisasi/persatuan/kelab (sekiranya berkaitan)		
5.	Penyata bank yang terkini		
6.	Surat Kelulusan, Akuan Terimaan dan Surat Setuju Terima (SST)		

CARTA ALIRAN
PERMOHONAN DANA ANTARABANGSA BELIA (IYF)



LAMPIRAN A

KADAR ELAUN MAKAN DAN BAYARAN SEWA HOTEL

Kategori Negara	Elaun Makan (RM)	Sewa Hotel (RM)
Kategori I	175	400
Kategori II	195	440
Kategori III	215	480
Kategori IV	235	520
Kategori V	255	560

KATEGORI I					
Afghanistan	Egypt	Kosovo	Maldives	Syria	Tunisia
Aruba	Georgia	Kyrgyzstan	Nepal	Tajikistan	Uzbekistan
Azerbaijan	India	Libya	Pakistan	Turkmenistan	Syria
KATEGORI II					
Albania	Bulgaria	Gabon	Malawi	Palau	Somalia
Algeria	Burkina Faso	Gambia	Malaysia	Paraguay	Sri Lanka
Angola	Burundi	Ghana	Mali	Peru	Tanzania
Argentina	Cameroon	Guinea	Mauritania	Philippines	Timor Leste
Armenia	Cape Verde	Guinea-Bissau	Mexico	Republic of Congo	Togo
Bangladesh	Central African Republic	Indonesia	Moldova	Romania	Turkey
Belarus	Chad	Iran	Mongolia	Russia	Uganda
Benin	Colombia	Iraq	Montenegro	Rwanda	Ukraine
Bhutan	Comoros	Ivory Coast	Morocco	Sao Tome and Principe	Vietnam
Bolivia	Democratic Republic of Congo	Kazakhstan	Niger	Senegal	Western Sahara
Bosnia And Herzegovina	Equatorial Guinea	Laos	Nigeria	Serbia	Zambia
Botswana	Eswatini	Liberia	North Macedonia	Sierra Leone	
KATEGORI III					
Belize	Cuba	Guatemala	Madagascar	Portugal	Tonga
Brazil	Czech Republic	Honduras	Mayotte	Saudi Arabia	Tuvalu
Brunei	Djibouti	Hungary	Mozambique	Slovakia	Vanuatu
Cambodia	Ecuador	Israel	Myanmar	South Africa	Wallis and Fatun
Cayman Island	El Salvador	Kenya	Namibia	Sudan	
Chile	Fiji	Latvia	Nicaragua	Suriname	
China	French Guiana	Lesotho	Palestine	Thailand	
Croatia	Grenada	Lithuania	Poland	Tokelau	
KATEGORI IV					
Bahrain	Ethiopia	Jamaica	Oman	Spain	Zimbabwe
Costa Rica	Gilbratar	Jordan	Panama	Trinidad And Tobago	
Cyprus	Greece	Kuwait	Papua New Guinea	Turks and Caicos Islands	
Eritrea	Guyana	Mauritius	Slovenia	Uruguay	
Estonia	Haiti	North Korea	Solomon Islands	Yemen	
KATEGORI V					
Andorra	Cook Islands	Iceland	Macau	Qatar	Sweden
Anguilla	Denmark	Ireland	Malta	Puerto Rico	Switzerland
Antigua and Barbuda	Dominica	Iste of Man	Marshall Island	Saint Helena	Taiwan
Australia	Dominican Republic	Israel	Micronesia	Saint Kits and Nevis	United Arab Emirates
Austria	Faroe Island	Italy	Monaco	Saint Lucia	South Sudan
Bahamas	Finland	Japan	Montserrat	Saint Vincent and Grenadines	United Kingdom
Barbados	France	Jersey	Nauru	Samoa	United States
Belgium	Germany	Kiribati	Netherlands	San Marino	United States Virgins Islands
Bermuda	Greenland	Lebanon	New Zealand	Seychelles	
British States Virgins Islands	Guernsey	Liechtenstein	Niue	Singapore	
Canada	Hong Kong	Luxembourg	Norway	South Korea	